

3756/2
PRINSIP
PERAKAUNAN
KERTAS 2
OKTOBER 2023
2 JAM 30 MINIT

NO KAD PENGENALAN

							-												
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)

MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2023

PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2
MASA : DUA JAM TIGA PULUH MINIT

ARAHAN:

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
5. **Tunjukkan kerja mengira**. Ini membantu anda mendapatkan markah.
6. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik

Kertas ini mengandungi 17 halaman bercetak

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan

1.

(a) Lengkapkan jadual berikut.

Peringkat dalam Kitaran Perakaunan	Keterangan
	Senarai baki bagi semua akaun dalam lejar untuk menguji ketepatan catatan bergu.
	Penyata yang disediakan untuk menghitung untung rugi perniagaan bagi suatu tempoh dan untuk melihat kedudukan kewangan perniagaan pada tarikh tertentu.

[2 markah]

(b) Pada 1 April 2023, En. Haris memulakan perniagaan Haris Enterprise yang menjual barang-barang pembinaan. Beliau membawa masuk wang tunai RM30 000 ke dalam bank, RM1 500 disimpan untuk urusan harian dan kenderaan RM65 000 sebagai modal.

Sediakan Jurnal Am untuk menunjukkan catatan pembukaan pada 1 April 2023.
[Keterangan tidak diperlukan]

[2 markah]

(c) Syer yang dimiliki oleh Puan Sarimah mempunyai ciri-ciri yang berikut :

- Kadar dividen tidak tetap.
- Tidak menerima tunggakan dividen.
- Berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan

Apakah jenis syer tersebut ?

[1 markah]

- (d) Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada Kedai Runcit Didi.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2023 (petikan)			
	RM		RM
Akaun Belum Terima	3 800	Peruntukan hutang ragu	80

Maklumat tambahan :

- a) Hutang lapuk dihapuskan RM200
 b) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima Bersih.

- i) Berapakah nilai peruntukan hutang ragu [1 markah]
 ii) Tunjukkan catatan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2023? [2 markah]

- (e)

SALINAN	INVOIS	INV110		
	Flowerist Home Lot 3-4 Jalan Depan Kebun, Taman Seroja 16200 Tumpat, Kelantan.			
Kepada : Fresh Flower Asiy 278 Jalan Bentara, 16040 Wakaf Bharu, Kelantan.		Tarikh 13 Okt 2023		
Bil	Butir	Harga [RM]	Unit	Jumlah [RM]
1.	Bunga Ros Gred A	5.00	100	500.00
2.	Bouquet flowerist	45.00	20	900.00
				1 400.00
		Tolak Diskaun Niaga 10%		
			JUMLAH	
Ringgit :				
Syarat : 10% 5 hari, 5% 10 hari				
Serahan : Angkutan dibayar				
K. & K. di K				
	<i>AtShah</i>		<i>Fazri</i>	
	[penerima]		[pengurus]	

PRINSIP PERAKAUNAN KZ TING 5

- i. Berapakah diskaun niaga yang akan diperoleh oleh Fresh Flower Asiy? [1 markah]
 ii. Berapakah bayaran yang akan diterima oleh Flowerist Home sekiranya Fresh Flower Asiy menjelaskan hutang pada 20 Okt 2023?

[1 markah]

2. Maklumat berikut diperolehi daripada Buku perakaunan Kelab Membaca Kita.

	1 Ogos 2022	31 Julai 2023
	RM	RM
Rumah kelab (1 Ogos 2022)	95 000	95 000
Perabot (1 Ogos 2022)	6 200	6 200
Yuran Belum Terima	1 800	400
Yuran belum Terperoleh	300	200
Inventori kedai buku	700	800
Akaun Belum bayar kedai buku	1 980	2 040
Majalah dan surat khabar belum bayar	70	60
Majalah dan surat khabar prabayar		25
Kadar bayaran belum bayar	200	-
Bank	5 600	?

Ringkasan Penerimaan dan Pembayaran

Penerimaan		Pembayaran	
Jualan Buku Kedai	10 000	Akaun Belum Bayar Kedai Buku	8 500
Yuran ahli	14 500	Majalah dan Surat Khabar	900
Yuran masuk	1 100	Belanja Kedai Buku	1 500
Yuran Pertandingan membaca	1 235	Kadar Bayaran	1 200
Derma	6 000	Perbelanjaan pertandingan membaca	450
		Hadiah pertandingan membaca	700

Maklumat tambahan:

- Perabot disusutnilaikan pada kadar 20% setahun atas kos
- 75 % daripada derma adalah untuk tujuan pembelian Komputer dan haruslah dianggap modal sehingga pembelian komputer dilakukan.
- Yuran masuk adalah dianggap sebagai perbelanjaan modal

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun perdagangan Kedai buku bagi tahun berakhir 31 Julai 2023 [4 markah]
- b) Pengiraan untuk mencari keuntungan atau kerugian pertandingan membaca [2 markah]
- c) Akaun pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Julai 2023 [8 markah]
- d) Penyata mengira Dana Terkumpul pada 1 Ogos 2022 [3 markah]
- e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2023 [8 markah]

3. Zahin seorang pengeluar Sabun Dobi Zazz. Imbangan duga pada 31 Oktober 2023

adalah seperti berikut :

	Imbangan Duga		
	RM		RM
Peralatan [kos]	11 000	Modal	212 130
Mesin [kos]	125 000	Jualan	348 730
Inventori pada 1 November 2022		Pulangan Belian Bahan Langsung	2 900
Bahan langsung	74 600	Susutnilai terkumpul mesin	23 750
Barang Siap	19 200	Susutnilai terkumpul peralatan	2 640
Alat-alat kecil	660	Akaun belum bayar	47 600
Kerja Dalam Proses	8 730	Diskaun	1 350
Belian :			
Bahan langsung	100 200		
Alat-alat kecil	3 300		
Angkutan Masuk bahan langsung	2 770		
Upah langsung	41 800		
Upah tak langsung	20 500		
Gaji pentadbir	27 600		
Gaji penyelia kilang	18 000		
Iklan dan promosi	5 500		
Insurans	7 800		
Sewa	14 400		
Kadar bayaran	12 800		
Belanja penyelenggaraan mesin	5 600		
Belanja membaiki peralatan	2 400		
Akaun belum terima	30 000		
Hak cipta	5 100		
Bank	100 140		
Ambilan	2 000		
	639 100		639 100

Maklumat tambahan :

(i) Inventori pada 31 Oktober 2023 :

	Bahan langsung		Jumlah
	A	B	
Harga kos	37 260	43 400	80 660
Harga pasaran	39 000	41 340	80 340

Barang siap	22 200
Alat-alat kecil	950
Kerja Dalam Proses	10 700

- (ii) Sewa dibayar setiap suku tahun RM3 600 dan berakhir pada 30 September 2023.
- (iii) Insurans dibayar untuk tempoh setahun bermula pada 1 Januari 2023.
- (iv) Upah langsung belum bayar RM3 800
- (v) Mesin disusutnilai pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan dan peralatan disusutnilai pada kadar 12% setahun atas kos.
- (vi) Perbelanjaan berikut diagihkan antara kilang dan pejabat :

	Kilang
	%
Sewa	70
Insurans	80
Kadar bayaran	75
Gaji pentadbir	80
Susutnilai peralatan	90

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Alat-alat kecil [3 markah]
- (b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Oktober 2023. [19 markah]
- (c) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2023. [3 markah]

Bahagian B
[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

4. Sazali adalah pemilik perniagaan Ramlee Sazali Enterprise yang beroperasi di Pasir Puteh, Kelantan. Imbangan duga berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 30 Jun 2023.

Imbangan Duga Pada 30 Jun 2023

	RM	RM
Premis (kos)	70 000	
Perabot (kos)	50 500	
Kenderaan (kos)	80 000	
Alat tulis 1 Julai 2022	2 800	
Inventori 1 Julai 2022	38 400	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	39 400	29 450
Bank	6 580	
Pinjaman berkadar faedah 10%		10 500
Susut Nilai Terkumpul		
Perabot		16 000
Kenderaan		15 300
Peruntukan hutang ragu		430
Ambilan	5 500	
Modal		120 000
Belian dan Jualan	117 020	224 800
Pulangan	2 471	3 830
Belian alat tulis	600	
Angkutan masuk	510	
Sewa diterima		3 200
Komisen		8 690
Hutang lapuk	1 247	
Gaji	6 000	
Belanja am	9 102	
Faedah pinjaman 10%	500	
Tunai	1 570	
	432 200	432 200

Maklumat tambahan pada 30 Jun 2023:

(i) Inventori dinilai dan dicatatkan dalam kad inventori berasingan:

	Harga Kos	Harga Pasaran
	RM	RM
Kasut Azmir	7 560	8 102
Kasut Bettylosafia	5 340	5 234
Kasut Camelen	4 312	4 430
Kasut Denny	2 980	2 999

(ii) Alat tulis yang masih belum digunakan adalah RM1 750

(iii) Sewa belum terima RM2 940

(iv) Belanja am prabayar RM248.

(v) Baki seorang Akaun Belum Terima RM670 dihapuskan sebagai hutang lapuk.

(vi) Pinjaman RM15 000 berkadar faedah 10% setahun telah dibuat pada 1 Januari 2021 untuk tempoh 5 tahun.

(vii) Polisi susut nilai menetapkan semua aset bukan semasa disusutnilaikan setahun penuh tanpa mengambil kira tarikh pembelian aset

Premis : tiada

Perabot : 10% mengikut kaedah garis lurus

Kenderaan : 20% mengikut kaedah baki berkurangan

(viii) Peruntukan hutang ragu ialah RM584.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun perdagangan dan untung rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2023. [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2023. [7markah]

5. a) Berikut adalah baki-baki akaun bagi Perniagaan 1 September 2023

	RM
Perabot	6 380
Akaun Belum Terima	12 380
Inventori	6 000
Bank	1 610
Akaun Belum Bayar	6 830
Modal	?

Urusniaga sepanjang bulan September adalah seperti berikut:

2023

September 3	Menerima tunai daripada akaun belum terima berjumlah RM 6 350, separuh darinya digunakan untuk membayar akaun belum bayar dan bakinya dibankkan.
6	Membeli barang niaga dan dibayar dengan cek bernilai RM 1 500
10	Inventori berkos RM 2 000 di jual secara kredit dengan harga RM 3 550
12	Menerima komisen dengan cek RM 720
15	Menjelaskan semua akaun belum bayar dengan cek dan menerima diskaun RM 250
20	Pemilik telah mengeluarkan perabot bernilai RM 360 untuk kegunaan peribadi.

Anda dikehendaki:

a) Lengkapkan Jadual persamaan perakaunan

[10 Markah]

5. b) Darwish dan Danish adalah pekongsi dalam D&D Homes. Mereka bersetuju untuk mengagihkan untungrugi secara sama rata. Pada 30 September 2023 Darwish telah mendapat tawaran berkerja di Ireland. Mereka bersetuju untuk membubarkan perniagaan.

Berikut adalah kedudukan kewangan D&D Homes pada tarikh pembubaran

	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>		
Lengkapan	8 650	
Kenderaan	<u>41 000</u>	49 650
<u>Aset Semasa</u>		
Inventori	11 510	
Akaun Belum Terima	3 740	
Bank	<u>5 390</u>	<u>20 640</u>
		<u>70 290</u>
<u>Liabiliti Semasa</u>		
Akaun Belum Bayar		10 290
<u>Ekuiti Pemilik</u>		
Akaun Modal Darwish	30 000	
Akaun Modal Danish	30 000	<u>60 000</u>
		<u>70 290</u>

Perkara berikut telah berlaku semasa proses pembubaran:

- Lengkapan dan kenderaan diambil alih oleh Darwish bernilai RM 46 500
- Inventori telah dijual dengan harga RM 12 460
- Akaun Belum Bayar telah di jelaskan sepenuhnya
- Belanja- belanja yang berkaitan dengan pembubaran bernilai RM 200 dijelaskan dengan cek
- Semua penerimaan dan pembayaran dijelaskan dengan cek.

Anda dikehendaki menyediakan :

- Akaun Realisasi [4 Markah]
- Akaun Modal Pekongsi (Beruangan) [2 markah]
- Akaun Bank [4 markah]

6. (a) Cik Ain bercadang untuk membuka Kedai Pakaian pada 1 Januari 2023 dengan modal permulaan RM12 050 yang terdiri daripada :

	RM
Tunai di bank	8 000
Tunai di tangan	550
Alatan kedai	3 500

Anggaran penerimaan dan pembayaran bagi perniagaannya adalah seperti berikut :

- (i) Hasil daripada jualan pakaian bagi bulan Januari ialah RM6 600. Hasil jualan ini dijangka meningkat 10% setiap bulan daripada bulan sebelumnya.
- (ii) Jumlah belian mengikut bulan adalah seperti berikut :

	RM
Januari	950
Februari	1 050
Mac	1 250

40% daripada belian akan dibayar secara tunai dan bakiannya akan dijelaskan pada bulan berikutnya.

- (iii) Sewa bulanan ialah RM900
- (iv) Anggaran belanja utiliti :

	RM
Januari	330
Februari	380
Mac	430

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi Cik Ain untuk tiga bulan berakhir 31 Mac 2023.

[10 markah]

6. (b) Encik Akif ialah pemilik perniagaan Air Jernih Enterprise yang menjalankan perniagaan penapis air. Pada 1 Mac 2023, baki-baki dalam buku perniagaannya adalah seperti berikut:

	RM
Inventori	2 000
Tunai di tangan	800
Tunai di bank	1 350
Van serahan	45 000
Akaun Belum Terima : Perniagaan Nina	5 735
Akaun Belum Bayar : Syarikat Ros Sdn Bhd	5 560

Beliau dibantu oleh seorang pekerja bernama Encik Sulaiman.

Urus niaga yang berlaku dalam bulan Mac 2023 ditunjukkan oleh dokumen perniagaan seperti berikut:

SYARIKAT ROS SDN BHD			INVOIS
184 Jalan Imbi			No: 0560
84000 Muar, Johor			Asal
			Tarikh: 2 Mac 2023
Kepada:			
AIR JERNIH ENTERPRISE			
32B Jalan Sultanah Zainab			
15000 Kota Bharu, Kelantan			
Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah
		RM	RM
Penapis SM601A	15	400	6 000
Penapis KK432A	15	300	4 500
Penapis JM345R	15	180	2 700
			13 200
Tolak diskaun niaga 20%			2 640
Jumlah			10 560
[Ringgit Malaysia: Sepuluh ribu lima ratus enam puluh sahaja]			
Syarat: 10% 5 hari, 5% 10 hari			
			<i>Haziq</i>
			[Pengurus]

DOKUMEN 1

3756/2 © 2023 Hak Cipta MPSM Cawangan Kelantan

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]

AIR JERNIH ENTERPRISE 32B Jalan Sultanah Zainab 15000 Kota Bharu, Kelantan		BIL TUNAI No: 1188 Salinan Tarikh: 3 Mac 2023	
Kepada: PERNIAGAAN AMEER Jalan Kebun Sultan 15000 Kota Bharu, Kelantan			
Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah
		RM	RM
Penapis SM601A	5	800	4 000
Penapis JM345R	5	360	1 800
Jumlah			5 800
[Ringgit Malaysia: Lima ribu lapan ratus sahaja] Tunai / Cek: MBB 134568			
			<i>Akif</i> [Pengurus]

DOKUMEN 2

AIR JERNIH ENTERPRISE 32B Jalan Sultanah Zainab 15000 Kota Bharu, Kelantan		MEMO Tarikh: 8 Mac 2023	
PERHATIAN: Rekodkan pinjaman bank diterima RM10 000 dan wang itu dibankkan ke dalam akaun bank perniagaan.			
			<i>Akif</i> [Pengurus]

DOKUMEN 3

SYARIKAT ROS SDN BHD 32B Jalan Sultanah Zainab 15000 Kota Bharu, Kelantan	RESIT RASMI No: R1850 Asal
Tarikh: 10 Mac 2023	
Diterima daripada :	<u>Air Jernih Enterprise</u>
Ringgit Malaysia :	<u>Lima ribu tiga ratus sahaja</u>
	<u>[Diskaun tunai RM260]</u>
Untuk bayaran :	<u>Menjelaskan inouis 0550</u>
RM5 300 Tunai / Cek: BIMB100879	<i>Haziq</i> [Pengurus]

DOKUMEN 4

AIR JERNIH ENTERPRISE 32B Jalan Sultanah Zainab 15000 Kota Bharu, Kelantan	RESIT RASMI No: 1990 Salinan
Tarikh: 27 Mac 2023	
Diterima daripada :	<u>Perniagaan Nina</u>
Ringgit Malaysia :	<u>Lima ribu tujuh ratus tiga puluh lima</u>
	<u>sahaja</u>
Untuk bayaran :	<u>Inouis 2431</u>
RM5 735 Tunai / Cek: BSB 114116	<i>Akif</i> [Pengurus]

DOKUMEN 5

Tarikh	28 Mac 2023	
Penerima	En. Sulaiman	
Tujuan	Gaji bulan Mac	
	Ringgit	Sen
Baki akhir	14 885	00
Dimasukkan		
Jumlah	14 885	00
Cek ini	1 500	00
Baki	13 385	00

No: BIMB 100880

Keratan Cek

DOKUMEN 6

AIR JERNIH ENTERPRISE 32B Jalan Sultanah Zainab 15000 Kota Bharu, Kelantan	BAUCAR BAYARAN No: B0197 Tarikh: 29 Mac 2023	
Kepada: Syarikat Sandra Sdn Bhd		
Butir	Jumlah	T.Tangan
Belian alat tulis	RM155.00	Sandra
[Ringgit Malaysia: Seratus lima puluh lima sahaja] Tunai / Gek:		
		<i>Akif</i> [Pengurus]

DOKUMEN 7

AIR JERNIH
ENTERPRISE
32B Jalan Sultanah
Zainab
15000 Kota Bharu,
Kelantan

MEMO

Tarikh: 30 Mac 2023

PERHATIAN:

Pemilik telah mengeluarkan tunai berjumlah RM150 untuk kegunaan sendiri.

Akif
[Pengurus]

DOKUMEN 8

Anda dikehendaki merekod urus niaga di atas ke dalam Buku Tunai.

[10 markah]

KERTAS TAMAT